

21/09/1999

Pelbagai pihak akui mula rasai pemulihan ekonomi

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Orang ramai mengakui pemulihan ekonomi kini mula dirasai berikutan kenaikan kuasa beli terutama di kalangan masyarakat peringkat bawahan.

Tinjauan Berita Harian di ibu kota mendapati kebanyakan warga kota mengakui pemulihan ekonomi berbanding tahun lalu.

Suri rumah, Saidatul Akmar Mohd Yusuf, berkata beliau gembira dengan kemampuan kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Beliau yang juga menjual kuih tradisional secara kecil-kecilan melalui tempahan berkata, tahun ini beliau banyak menerima tempahan berbanding tahun lalu.

"Ini menunjukkan rakyat negara kita sudah terlepas dari kesusahan dan belunggu kegawatan ekonomi, dan orang ramai tidak kisah untuk berbelanja terutama membeli barangan keperluan asas," katanya.

Penuntut institut pengajian tinggi awam, Arshida Arshad, 23, berkata pasaraya dan kedai makan sudah mula dipenuhi pelanggan, sama seperti sebelum kegawatan.

Ini, katanya menunjukkan bahawa ekonomi sudah semakin pulih dan rakyat gembira dengan keadaan ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat peringkat bawahan kini mula merasai pemulihan ekonomi hasil daripada dasar kawalan modal yang terbukti berjaya.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan rakyat negara termasuk pekerja sektor swasta kini berasa lega dan sanggup berbelanja lebih kerana yakin terhadap masa depan ekonomi negara.

Malah, katanya tahap pemulihan itu lebih cepat dari jangkaan awal dengan beberapa syarikat gergasi tempatan mula menunjukkan keuntungan memberangsangkan.

Peniaga daging, Jaya Kumar, berkata keadaan tidak banyak beza bagi perniagaannya kerana pada waktu gawat pun, beliau masih lagi menerima tempahan.

Beliau menyifatkan dirinya beruntung kerana membuka perniagaan di kawasan kebanyakan pelanggannya golongan berpendapatan tinggi dan sederhana.

Bagaimanapun, katanya kawasan tempatnya tinggal iaitu di Kajang, keadaan perniagaan pasar di sana juga semakin meningkat.

"Kalau masa gawat tahun lalu, ramai peniaga mengalami kerugian berikutan kuasa beli masyarakat menurun, bagaimanapun dengan pemulihan ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan, rakyat kini dapat berbelanja lebih," katanya.

(END)